



# SIARAN MEDIA

## *MEDIA RELEASE*

**BANCI EKONOMI PERUSAHAAN (BEP) 2024**

*ECONOMIC CENSUS OF ENTERPRISES (ECE) 2024*

Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik  
Kementerian Kewangan dan Ekonomi  
Negara Brunei Darussalam

*Department of Economic Planning and Statistics  
Ministry of Finance and Economy  
Brunei Darussalam*



**SIARAN MEDIA**  
**JABATAN PERANCANGAN EKONOMI DAN STATISTIK**  
**KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI**

**BANCI EKONOMI PERUSAHAAN (BEP) 2024**  
**BRUNEI DARUSSALAM**

---

1. Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES), Kementerian Kewangan dan Ekonomi akan mengendalikan Banci Ekonomi Perusahaan (BEP) 2024 bagi Negara Brunei Darussalam mulai 1 Julai hingga 31 Ogos 2024.
2. Objektif utama BEP 2024 adalah untuk mengumpul data komprehensif mengenai keadaan semasa aktiviti perniagaan bagi membantu memahami skop aktiviti ekonomi dalam negara seterusnya sebagai penanda aras dalam menilai struktur, prestasi, dan sumbangan perniagaan kepada ekonomi. Data ekonomi yang boleh dipercayai dan terkini adalah penting untuk merangka dasar yang berkesan, membangunkan program ekonomi yang disasarkan, penyelidikan, dan menyusun akaun ekonomi negara. Selain itu, pihak sektor swasta sendiri juga boleh menggunakananya dalam merancang dan memperkembangkan aktiviti dan strategi perusahaan masing-masing.
3. BEP 2024 ini meliputi semua perusahaan yang aktif beroperasi di negara ini, sama ada perusahaan milik sendiri, perkongsian, syarikat awam berhad, syarikat sendirian berhad, cawangan syarikat luar negeri, koperasi dan lain-lain pertubuhan, dan akan mengumpulkan maklumat mengenai aktiviti ekonomi, profil perusahaan, pendapatan dan perbelanjaan perusahaan serta keterangan pekerja bagi tahun rujukan 2023. Banci ini akan mengandungi bahagian baru yang khusus untuk mengumpul maklumat mengenai ekonomi digital.

4. BEP 2024 dijalankan di bawah Akta Perangkaan, Penggal 81 dari Undang-Undang Negara Brunei Darussalam. JPES ingin memberikan jaminan kepada semua syarikat-syarikat perusahaan yang terlibat bahawa maklumat yang dikumpulkan semasa banci ini akan disimpan sulit dan akan digunakan bagi keperluan perangkaan sahaja.
5. Borangtanya BEP 2024 akan diedarkan kepada perusahaan-perusahaan melalui pos, e-mel dan lawatan ke premis perniagaan oleh pekerja luar banci yang dilantik. Pekerja-pekerja luar berkenaan juga akan membantu dan memberikan tunjuk ajar jika pihak syarikat perusahaan menghadapi sebarang kesulitan dalam membekalkan maklumat yang diperlukan. Borangtanya BEP 2024 juga boleh dimuat turun dari laman sesawang JPES. Tarikh tutup bagi mengembalikan borangtanya yang telah lengkap diisikan ke pejabat JPES ialah 31 Ogos 2024.
6. Adalah dimaklumkan bahawa menurut Bab 9 Akta Perangkaan, kegagalan atau keengganan untuk memberikan maklumat yang dikehendaki atau memberikan maklumat palsu adalah menjadi satu kesalahan yang membawa hukuman denda sebanyak BND4,000.00.
7. Hasil daripada BEP 2024 yang diperolehi akan dapat membantu Kerajaan dalam merancang pembangunan dan penyediaan dasar. Selain itu, pihak sektor swasta sendiri juga boleh menggunakan dalam merancang dan memperkembangkan aktiviti dan strategi perusahaan masing-masing.
8. Justeru itu, sokongan dan kerjasama semua perusahaan-perusahaan dalam memberikan maklumat yang dikehendaki adalah sangat diharapkan bagi sama-sama menjayakan banci ini.
9. Sebarang pertanyaan mengenai BEP 2024 ini bolehlah dirujuk ke JPES seperti berikut:

Hotline : 8230275 / 8320275 / 8260276 / 7469848  
E-mel : [economic.census@jpes.gov.bn](mailto:economic.census@jpes.gov.bn)  
Laman sesawang : <https://deps.mofe.gov.bn>



**MEDIA RELEASE**  
**DEPARTMENT OF ECONOMIC PLANNING AND STATISTICS**  
**MINISTRY OF FINANCE AND ECONOMY**

**ECONOMIC CENSUS OF ENTERPRISES (ECE) 2024**  
**BRUNEI DARUSSALAM**

---

1. *Department of Economic Planning and Statistics (JPES), Ministry of Finance and Economy will be conducting the **Economic Census of Enterprises (ECE) 2024** for Brunei Darussalam starting 1 July until 31 August 2024.*
2. *The main objective of the ECE 2024 is to gather comprehensive data on the current state of business activities to help understand the scope of economic activities within the country and establish a benchmark for assessing the structure, performance, and contributions of the businesses to the economy. Reliable and up-to-date economic data is crucial for devising effective policies, developing targeted economic programs, research, and compiling national economic accounts. Apart from that, the results may also be used by the private sector themselves in planning and developing their respective business activities and strategies.*
3. *ECE 2024 covers all active companies in the country, whether proprietorship, partnership, public limited company, private limited company, branch of a foreign company, co-operatives and other institutions and will collect information on the economic activity, company profile, business revenue and expenditure as well as employment details for the reference year 2023. This census will feature a new section specifically aimed at collecting information on the digital economy.*

4. *The ECE 2024 is conducted under the Statistics Act, Chapter 81 from the Laws of Brunei Darussalam. JPES would like to assure all the companies and businesses involved that the information collected during the census will be kept strictly confidential and will be used for statistical purposes only.*
5. *The ECE 2024 questionnaires are currently being distributed to all companies by post, e-mail and visits to business premises by appointed census fieldworkers. These fieldworkers will also assist and provide guidance to businesses if they face difficulties in providing the required information. The ECE 2024 questionnaire can also be downloaded from JPES's website. The closing date for returning the completed questionnaires to JPES is 31 August 2024.*
6. *Please be informed that in pursuant to Section 9, Statistics Act; failure or reluctance to give the required information or furnishing false particulars is an offence which carries a penalty of a fine of BND4,000.00.*
7. *Results from the ECE 2024 will be able to assist Government in development planning and formulating policies. Apart from that, the results may also be used by the private sector themselves in planning and developing their respective business activities and strategies.*
8. *Hence, the support and co-operation from all companies in providing correct and complete information are essential for the success of the census.*
9. *For any enquiries regarding ECE 2024, please refer to JPES as follows:*

*Hotline : 8230275 / 8320275 / 8260276 / 7469848*

*E-mail : [economic.census@jpес.gov.bn](mailto:economic.census@jpес.gov.bn)*

*Website : <https://deps.mofe.gov.bn>*